

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/05/12\_09 (HQ)

### TNB & MHC PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DEMI MASA DEPAN HOKI NEGARA

- TNB meneruskan kerjasama strategik bersama Malaysia Hockey Confederation (MHC) bagi tempoh 2026–2030 untuk memperkukuh pembangunan hoki negara secara menyeluruh dan mampan.
- Lebih RM60 juta telah disalurkan TNB sejak tahun 2006 bagi menyokong pembangunan hoki negara termasuk pembangunan akar umbi, liga domestik dan pasukan kebangsaan.

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** terus memperkukuh komitmennya terhadap pembangunan sukan negara dengan memeterai kontrak penajaan baharu bersama Malaysia Hockey Confederation (MHC) bagi tempoh 2026 hingga 2030. Majlis menandatangani kontrak penajaan berkenaan berlangsung di Leo Moggie Convention Centre (LMCC), Bangsar.

Kerjasama strategik yang terjalin sejak tahun 2006 itu mencerminkan komitmen jangka panjang TNB dalam memperkukuh pembangunan hoki negara secara menyeluruh dan mampan — daripada pembangunan akar umbi sehinggalah ke pentas antarabangsa.

Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Dr. Mohammed Taufiq Johari, bersama kepimpinan TNB, MHC, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN).

#### **Komitmen berterusan melahirkan juara**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, kerjasama tersebut bukan sekadar penajaan korporat, sebaliknya merupakan pelaburan jangka panjang dalam pembangunan belia dan masa depan sukan negara.

“Di TNB, kami percaya sukan memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin, semangat berpasukan dan jati diri generasi muda. Sebab itu, sokongan kami terhadap hoki bukan sekadar tajaan korporat, tetapi satu pelaburan jangka panjang untuk pembangunan belia dan masa depan sukan negara,” katanya.

Sepanjang kerjasama dengan MHC, TNB telah menyalurkan lebih RM60 juta bagi menyokong pelbagai inisiatif pembangunan hoki negara termasuk pembangunan liga, kejohanan utama, pembangunan pemain remaja serta persiapan pasukan kebangsaan.

“MHC amat menghargai komitmen berterusan TNB yang memainkan peranan besar dalam memperkukuh pembangunan hoki negara sejak hampir dua dekad lalu,” kata Presiden MHC, Dato' Sri Subahan Kamal.

Bagi tahun 2025 sahaja, jumlah tajaan yang disalurkan mencecah lebih RM7.6 juta melibatkan pelbagai program pembangunan hoki termasuk kejohanan antarabangsa, pembangunan akar umbi dan latihan pemain muda.

## Melahirkan generasi baru hoki negara

“Banyak kejayaan dan pembangunan bakat hoki negara hari ini tidak dapat dipisahkan daripada sokongan konsisten TNB terhadap ekosistem hoki Malaysia,” kata Subahan.

Antara kejayaan paling signifikan hasil kerjasama tersebut ialah pembangunan program akar umbi TNB Thunderbolts yang telah melahirkan lebih 100 pemain hoki kebangsaan dan senior negara.

Selain itu, program Sekolah Angkat Hoki TNB kini melibatkan tujuh buah sekolah di seluruh negara iaitu Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), SMK Seberang Temerloh, SMK Anderson, SMK Pengkalan Permatang, SMK Syed Hassan dan Sekolah Tinggi Melaka.

Melalui program tersebut, pelajar bukan sahaja menerima bantuan peralatan dan kemudahan, malah turut diberikan latihan berstruktur, pendedahan pertandingan kompetitif dan pemantauan pembangunan prestasi secara berterusan.

## Selari agenda ESG dan pembangunan komuniti

Menurut Shamsul lagi, usaha berkenaan selari dengan aspirasi ESG TNB khususnya dalam aspek pembangunan sosial dan komuniti.

“Kami percaya pembangunan sukan memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, badan sukan dan sektor korporat. TNB akan terus memainkan peranan aktif dalam membantu memperkukuh ekosistem hoki negara demi melahirkan lebih ramai bakat muda yang mampu membawa nama Malaysia ke peringkat lebih tinggi,” katanya.

Melalui kerjasama ini juga, TNB terus menyokong aspirasi Visi Sukan Negara 2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan ekosistem sukan yang inklusif, kompetitif dan berprestasi tinggi.

Sebagai organisasi yang komited kepada pembangunan negara secara holistik, TNB melihat sukan sebagai platform strategik untuk memperkukuh perpaduan masyarakat, menggalakkan gaya hidup sihat dan membina generasi masa depan yang lebih berdaya saing.

\*\*\*\*\*

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Mei 2026 jam 10:30 pagi**

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami di: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

## Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, bersalaman dengan Presiden KHM, Dato' Sri Subahan Bin Kamal sebagai simbolik pada Majlis Menandatangani Perjanjian (MOA) Penajaan antara TNB dan KHM yang berlangsung di sini, hari ini.

Majlis disaksikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Dr. Mohammed Taufiq Johari serta Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.



Sejak tahun 2006, TNB menyalurkan lebih RM60 juta bagi memperkasa pembangunan hoki negara merangkumi sokongan terhadap liga tempatan, kejohanan utama, pembangunan bakat muda serta persiapan pasukan kebangsaan di pentas antarabangsa.



TNB komited memainkan peranan proaktif dalam memperkukuh ekosistem hoki negara bagi melahirkan lebih ramai bakat muda berpotensi yang mampu mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.